

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERTAHANAN DI PERBARISAN
TAMAT LATIHAN KADET TAULIAH
PERKHIDMATAN PENDEK YANG KESEMBILAN
PADA 12 OGOS, 1966.

Saya berasa sangat gembira kerana dapat hadir bersama-sama diupacara Perbarisan Tamat Latihan hari ini. Ini, adalah kali yang pertama saya mendapat peluang membalas tabik kehormatan di Perbarisan Tamat Latihan yang baharu kita saksikan. Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kamu sekalian kerana gerak-geri yang kemas dan juga kerana kecekapan kamu di dalam Perbarisan tadi. Saya juga memberi kepujian kepada Jurulatih-Jurulatih Kadet yang telah berusaha kuat untuk memberi kejayaan yang sepenuhnya bagi tamat latihan ini.

Seperti yang saya ketahui, pergaulan saling mengerti di antara kamu-kamu semua di masa menjalankan latihan di Maktab ini, sangatlah baik dan saya berseru supaya kamu memperkuat lagi persefahaman ini dari masa ke semasa. Sebagaimana yang sedia maklum, keselamatan negeri kita adalah bergantung kepada kecekapan dan kebolehan Angkatan Tentera yang menunjukkan taat setianya kepada negara.

Selepas kamu semua menerima pendidikan yang baik dan teratur di bidang ketenteraan dan pimpinan selama 28 minggu di Maktab ini, kamu semua akan dilantik menjadi pegawai yang bertauliah dan tanggungjawab kamu akan lebih berat dan berlipat ganda. Saya berharap kamu semua akan bekerja dengan lebih giat lagi dan memberi pimpinan kepada perajurit-perajurit kamu dengan jujur dan ikhlas, supaya menjaga nama baik Angkatan Tentera di mana-mana sahaja kamu akan berkhidmat.

Walaupun perselisihan faham dengan jiran-jiran kita hampir tamat, ini tidaklah bermakna, kamu boleh leka dan cuai di atas tanggungjawab kamu tetapi sebaliknya hendaklah kamu bersiap sedia untuk menghadapi segala ancaman-ancaman musuh.

Selama berada di Maktab ini, kamu semua telah diberi latihan semata-mata darihal ketenteraan. Janganlah kamu anggap bahawa pengetahuan-pengetahuan yang kamu pelajari di sini sudah mencukupi bagi diri kamu. Oleh sebab itu saya berharap kamu sekalian akan tekun dan sentiasa maju di dalam bidang ketenteraan. Saya merasa amat bangga yang kamu sekalian telah memiih bidang penghidupan kamu dalam segi ketenteraan.

Akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khasnya kepada Kadet yang terpuji dan kepada semua Kadet-Kadet amnya.